



Soalan-Soalan Lazim untuk

Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT

Tabung Usahawan Belia FELDA (TUBF)



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.



No.	Soalan	Jawapan Rasmi
1.	Apakah Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT – Tabung Usahawan Belia FELDA (TUBF)?	<p>Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF adalah kemudahan yang direka khusus untuk usahawan mikro dalam kalangan belia dari keseluruhan tanah rancangan dan wilayah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang belum layak menerima pembiayaan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dari mana-mana institusi kewangan (“underbanked”), B40 atau asnaf yang ingin memulakan atau membangunkan perniagaan untuk menjana pendapatan berterusan.</p> <p>Bank Islam bekerjasama dengan FELDA untuk mengenal pasti usahawan mikro yang berpotensi di kalangan ahli, penerima manfaat atau pihak berkepentingan yang berkelayakan.</p> <p>Usahawan mikro yang ditawarkan Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF perlu mengikuti program latihan dan bimbingan perniagaan anjuran Bank Islam dan/atau Rakan Pelaksana.</p>
2.	Apakah matlamat Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membiayai usahawan mikro untuk tujuan: <ol style="list-style-type: none"> (i) Modal kerja (termasuk sumbangan Takaful (pilihan)); dan/ atau (ii) Perbelanjaan modal 2. Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut: <ol style="list-style-type: none"> (i) Pembelian saham; (ii) Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada; (iii) Pembelian pelaburan tanah/hartanah; (iv) Pembangunan hartanah; (v) Pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan; (vi) Aktiviti di mana stok dalam perdagangan adalah wang (termasuk perniagaan kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans); (vii) Perjudian, alkohol, tembakau atau aktiviti/produk lain yang serupa; dan (viii) Aktiviti tidak patuh Syariah.
3.	Bagaimanakah Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF ini dijalankan oleh Bank Islam?	<p>Bank Islam bekerjasama dengan FELDA untuk mengenal pasti usahawan mikro yang berpotensi di kalangan ahli, penerima manfaat atau pihak berkepentingan.</p> <p>Usahawan mikro yang ditawarkan Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF perlu mengikuti program latihan dan bimbingan perniagaan anjuran Bank Islam dan/atau Rakan Pelaksana. Setelah tamat program latihan tersebut, Bank Islam akan mengeluarkan Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF kepada usahawan mikro.</p> <p>Sepanjang tempoh pembiayaan, usahawan mikro akan dipantau oleh Rakan Pelaksana untuk bimbingan dan nasihat dalam membangunkan perniagaan.</p> <p>Sepanjang tempoh program, usahawan mikro digalakkan untuk menunaikan Solat Sunat Dhuha dan membaca Surah Al-Waqi’ah setiap hari (bagi usahawan mikro yang beragama Islam).</p> <p>Usahawan mikro juga diminta untuk menerapkan semangat sedekah dan digalakkan untuk memberikan sedekah kepada dana Sadaqa House yang disediakan oleh Bank Islam.</p>

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
4.	Apakah konsep Syariah yang digunakan?	<ul style="list-style-type: none"> Pembiayaan ini adalah berlandaskan kontrak Qard. Qard merupakan kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam terikat untuk membayar balik jumlah penggantian yang setara kepada pemberi pinjaman. Jumlah bayaran balik pinjaman adalah sama dengan amaun yang dipinjam tanpa sebarang elemen keuntungan.
5.	Berapakah amaun pembiayaan?	<ol style="list-style-type: none"> Usahawan baharu (6 bulan – 12 bulan dalam perniagaan): Minimum : RM5,000.00 Maksimum : RM30,000.00 Usahawan sedia ada (lebih 12 bulan dalam perniagaan): Minimum : RM10,000.00 Maksimum : RM50,000.00
6.	Berapakah tempoh bayaran balik?	Minimum: 6 bulan Maksimum: 60 bulan (5 tahun)
7.	Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan?	Tiada kadar keuntungan dikenakan (0%).
8.	Siapakah yang layak memohon?	<p>Usahawan mikro yang memenuhi kriteria kelayakan berikut layak untuk memohon bagi pertimbangan Bank Islam:</p> <ol style="list-style-type: none"> Usahawan belia warganegara Malaysia dan merupakan anak/cucu/cicit/menantu peneroka FELDA sahaja Memenuhi definisi Perusahaan Mikro oleh SME Corporation Malaysia. Merupakan pemilik perniagaan entiti tunggal atau perkongsian yang telah menjalankan perniagaan secara sepenuh masa. Semua rakan kongsi mesti terdiri daripada anak/cucu/cicit/menantu kepada peneroka FELDA sahaja; Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak berkuasa/pejabat daerah di Sabah dan Sarawak atau badan berkanun untuk penyedia perkhidmatan profesional; Perniagaan telah beroperasi minimum 6 bulan Berumur daripada 18 hingga 45 tahun pada tarikh permohonan; Mengemukakan pelan perniagaan dengan menunjukkan aliran tunai positif untuk membayar semula pembiayaan
9.	Apakah kategori Perniagaan dan Pertanian yang dibenarkan untuk memohon?	<p>Kategori Perniagaan dan Pertanian yang layak untuk memohon Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Perkhidmatan Perniagaan Perusahaan Kraf Perusahaan Makanan Tanaman Ternakan Akuakultur Perusahaan ubatan tradisional, kosmetik dan lain-lain lagi
10.	Bilakah permohonan Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF ini dibuka?	Permohonan pembiayaan untuk usahawan belia FELDA dibuka bermula 19 April 2023.

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
11.	Bagaimanakah cara untuk memohon?	<p>Pemohonan berserta dokumen fizikal yang lengkap perlu dihantar kepada:</p> <p>(i) Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) Tingkat 32-01-2, Menara FELDA, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur No. Tel.: 013-3957675 Faks: 03-21812175 E-mel: mbfmkebangsaanofficial@gmail.com</p>
12.	Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF?	<p>Dokumen yang diperlukan (yang mana berkenaan) ialah:</p> <p>(i) Kad Pengenalan;</p> <p>(ii) Set lengkap borang permohonan (termasuk senarai semakan piawaian deklarasi inisiatif <i>Value Based Intermediation (VBI)</i>, ESG dan borang lain yang berkaitan);</p> <p>(iii) Bukti pendapatan (Penyata Bank untuk tiga (3) bulan terkini (minimum), Borang B/Borang P Lembaga Hasil Dalam Negeri, dan lain-lain);</p> <p>(iv) Bukti operasi perniagaan (Borang pendaftaran Perniagaan, Lesen/permit perniagaan dan lain-lain);</p> <p>(v) Rancangan perniagaan;</p> <p>(vi) Pengesahan bertulis daripada pihak FELDA bahawa pemohon adalah usahawan belia dan merupakan anak/cucu/cicit/menantu peneroka FELDA;</p> <p>(vii) Dokumen lain yang berkaitan.</p>
13.	Bagaimana cara pembiayaan ini disalurkan kepada usahawan mikro?	<p>Usahawan mikro yang ditawarkan Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF wajib mengikuti program latihan pembangunan perniagaan yang dikendalikan oleh Bank Islam dan/ atau Rakan Pelaksana yang dilantik oleh Bank Islam.</p> <p>Setelah tamat program latihan tersebut, Rakan Pelaksana akan memberi pengesahan kehadiran usahawan mikro dalam program latihan tersebut dan amaun pembiayaan akan disalurkan terus ke akaun semasa usahawan di Bank Islam atau berdasarkan kes tertentu kepada vendor.</p>
14.	Bagaimana cara usahawan mikro membayar balik Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF?	<p>Pembayaran balik Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF adalah secara bulanan atau cara lain yang dipersetujui dengan Bank Islam.</p>
15.	Apakah tanggungjawab usahawan mikro yang menerima Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF?	<p>Usahawan mikro yang menerima Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF perlu menjelaskan bayaran balik sebagaimana yang dipersetujui dengan Bank Islam sehingga selesai.</p>
16.	Bagaimana sekiranya usahawan mikro gagal memenuhi tanggungjawab menjelaskan bayaran balik?	<p>Bank Islam akan mengeluarkan notis tuntutan kepada usahawan mikro untuk menuntut usahawan mikro menjelaskan segera jumlah terutang dan tertunggak.</p>
17.	Bagaimana sekiranya usahawan mikro membuat bayaran penuh sebelum tamat tempoh pembiayaan?	<p>Usahawan mikro boleh membuat penyelesaian pembiayaan sebelum tamat tempoh pembiayaan tanpa dikenakan apa-apa caj.</p>
18.	Adakah terdapat yuran dan caj yang dikenakan terhadap pembiayaan?	<p>Tiada sebarang caj yang dikenakan. Namun, usahawan mikro digalakkan untuk memberi sedekah kepada Sadaqa House supaya dapat menambahkan dana untuk dipinjamkan kepada usahawan – usahawan mikro lain.</p>

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
19.	Adakah penjamin diperlukan?	Penjamin tidak diperlukan.
20.	Adakah cagaran diperlukan?	Cagaran tidak diperlukan.
21.	Berapa lama tempoh untuk mengikuti program latihan pembangunan perniagaan?	Tempoh latihan pembangunan perniagaan yang wajib diikuti akan dimaklumkan kepada usahawan yang diluluskan mengikut modul yang ditetapkan oleh Bank Islam dan/ atau Rakan Pelaksana yang dilantik oleh Bank Islam.
22.	Apakah Tips yang dapat membantu kelulusan?	<ul style="list-style-type: none"> • Rekod kredit perlu dijaga dengan baik. Rekod kredit pemilik/rakan kongsi boleh mempengaruhi kelulusan. • Pastikan tiada kes-undang-undang. Kes undang-undang boleh memberi kesan kepada permohonan. • Pastikan bayaran utiliti/telekom dibayar dengan konsisten. Saman tertunggak dengan syarikat utiliti/telekom boleh memberi Kesan kepada kelulusan. • Sekiranya syarikat mempunyai lebih dari satu akaun semasa yang aktif, hantar kesemua penyata bank untuk pengiraan pendapatan yang lebih tepat. • Pinjaman di bank lain yang sedang distruktur/ dijadual semula boleh memberi kesan. • Bank menilai rekod 12 bulan CCRIS. Rekod tunggakan yang melebihi dua (2) bulan boleh menyebabkan permohonan ditolak. • Tunggakan pembiayaan/perbelanjaan kad kredit pemilik boleh menjejaskan permohonan. • Pembayaran konsisten kad kredit membantu kelulusan. • Komitmen tinggi daripada pembiayaan baharu di bank lain atau agensi-agensi pemberi pinjaman boleh menjejaskan permohonan.
23.	Bagaimanakah sekiranya usahawan mikro menghadapi kesulitan untuk membuat pembayaran balik?	<p>Sekiranya usahawan mikro menghadapi kesulitan membuat pembayaran balik, usahawan mikro perlu menghubungi:</p> <p>Bahagian Kewangan Sosial, Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 27, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur No. Tel: 03-2707 8053 E-mel: microfinance@bankislam.com.my</p>

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
24.	Di manakah usahawan mikro boleh dapatkan maklumat lanjut tentang Program Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF?	<p>Maklumat lanjut mengenai Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF boleh dicapai melalui:</p> <p>Laman web rasmi Bank Islam: https://www.bankislam.com/corporate-info/social-finance-bank-islam/</p> <p>Akaun Facebook rasmi Bank Islam: facebook.com/bankislam</p> <p>E-mel: microfinance@bankislam.com.my</p> <p>Selain itu, anda juga boleh menghubungi: Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 17, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur No. Tel.: 03-26 900 900 E-mel: contactcenter@bankislam.com.my</p>